

lokal

(13 Oktober 2021) Harian Metro, p.2

1,130 premis disita hingga Julai lalu

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,130 premis dikendalikan warga asing yang turut dikaitkan dengan aktiviti 'ali baba' berjaya dikenal pasti dan diambil tindakan tegas sejak Januari lalu.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Osman Ismail berkata, masalah kebanjiran peniaga warga asing dan isu penjualan lesen 'ali baba' mampu ditangani jika persatuan peniaga dan penjaja bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menangani isu ini.

Beliau berkata, pihak persatuan juga perlu memainkan peranan utama masing-masing bagi memberi kesedaran kepada ahli yang memiliki lesen perniagaan.

"Amat mendukacitakan apabila ada di antara ahli persatuan sendiri yang menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing. Cara ini digunakan untuk mendapat keuntungan yang singkat tanpa perlu memulakan perniagaan.

"Penguatkuasaan sering dijalankan DBKL bagi mengesan kesalahan ini. Kami dapati ada di antara mereka bersekongkol iaitu mengguna-

kan pelbagai alasan kononnya warga asing terbabit adalah pekerja mereka," katanya.

Malah ada juga sengaja menggaji dan meletakkan juruwang warga tempatan bagi memperlihatkan seolah-olah premis itu milik peniaga tempatan," katanya kepada Harian Metro.


Osman berkata, pihaknya sudah menyita 1,130 premis yang dikendalikan warga asing sejak Januari hingga Julai lalu.

"Tindakan serta merta ini diambil mengikut Undang-Undang Kecil Perlesenan dan Penjaja (WPKL) 2012 dan semua barangan yang disita tidak boleh dituntut.

"Selain sitaan, pihak DBKL juga mengambil tindakan untuk menutup premis yang melakukan kesalahan ketika tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Menurutnya, sepanjang tahun 2020 sebanyak 224 premis yang dikendalikan warga asing diarah tutup.

"Semua tindakan ini diambil mengikut Seksyen 101(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," katanya.



ANGGOTA penguat kuasa DBKL merampas barang perniagaan milik warga asing dikesan memperolehi lesen daripada warga tempatan.